

PENDUDUK

1.0 Pengenalan.

Penduduk Kuala Lumpur mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia 1980 adalah berjumlah 1,130,562 orang. Dari jumlah tersebut, peratusan penduduk mengikut kumpulan etnik adalah terdiri daripada 35.0 % Melayu, 50.2 % Cina, 13.8 % India dan 1.0 % bagi lain-lain bangsa. Angka-angka ini menggambarkan kepada kita realiti masyarakat majmuk yang wujud di Kuala Lumpur yang majoritinya terdiri dari apabila bangsa bukan Melayu (65.0 %).

JANUAR. 1

PENDUDUK MENGIKUT AGAMA DAN KUMPULAN ETNIK (WP, KL.)

Agama	Melayu	Cina	India	Lain 2	Jumlah
1. Islam	301,439	997	9,605	433	312,474
2. Kristian	526	18,507	16,676	5,441	41,150
3. Hindu	13	511	93,165	126	93,815
4. Budha	69	280,390	1,166	692	282,317
5. Confucian/ Tao/Agama 2 Tradisi Orang Cina.	31	161,428	177	23	161,659
6. Agama Suku Kaum/Folk	49	925	311	-	1,235
7. Lain-lain.	25	1,155	5,672	440	7,292
8. Tiada Agama	74	10,661	126	460	11,321
JUMLAH KESELURUHAN :					911,313

Sumber : Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia , 1980 .

Memandangkan penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan keturunan, maka kepelbagaian anutan agama para penduduknya juga boleh dianggap majmuk. Jadual 1 di atas menggambarkan kepada kita jumlah penganut-penganut agama terbesar yang dianuti oleh para penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut kumpulan etnik. Islam adalah agama terbesar sekali yang dianuti oleh para penduduknya dengan jumlah 312,474, diikuti oleh agama Buddha , 282,317 orang , Confucian/Tao/agama-agama lain Tradisi orang Cina 161,659 Orang , Hindu 93,815 Orang, Kristian 41,150 Orang dan selebihnya agama-agama lain dan yang tidak beragama.

JADUAL 2

Peratus Penganut Agama Wilayah Persekutuan, KL.

Agama	Peratus (%)
Islam	34.3
Buddha	31.0
Confucian/Tao/ Agama-	
Agama Lain Tradisi	
Orang Cina	18.0
Hindu	10.3
Kristian	4.4
Lain-Lain Agama/	
Tidak Beragama	2.0

Sungguhpun Islam menjadi agama terbesar yang dianut oleh para penduduk Kuala Lumpur tetapi ia hanya meliputi lebih kurang satu per tiga daripada jumlah keseluruhan penduduk. Ini bermakna agama-agama lain lebih dominan dari pengikut agama Islam.

Berdasarkan kepada data-dato' di atas , parti-parti politik Melayu khasnya UMNO dan PAS adalah sukar untuk mempengaruhi dan menguasai kawasan-kawasan pilihanraya di Kuala Lumpur. PAS sebagai sebuah parti Islam terbesar di negara kita sudah tentu menghadapi banyak rintangan dan permasalahan untuk menerangkan dasar-dasar Islam terhadap masyarakat yang majoritinya berbangsa Cina (non-muslim) .

Oleh kerana PAS telah ditubuhkan sejak tahun 1951, maka adalah wajar di sini kita jalankan satu analisis tentang sikap masyarakat non-muslim, khasnya masyarakat Cina terhadap kepimpinan dan perjuangan PAS dan sejauh manakah usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh parti tersebut mencapai matlamat perjuangannya. Ini akan melahirkan sesuatu yang objektif terhadap perkembangan PAS di tanahair kita .

Ketua Dewan Ulamak PAS Tuai Guru Haji Nik Aziz Bin Nik Mat pernah menyarankan agar PAS mengubah bentuk gerakannya dari tradisional kepada bentuk yang lebih hari-hari dan 'aqiqi'. ini kerana gerakan yang herbentuk tradisional tidak sesuai lagi dan perubahan perlu dibuat kepada situ pendekatan yang lebih baik. Kenyataan yang tahir

Sungguhpun Islam menjadi agama terbesar yang dianut oleh para penduduk Kuala Lumpur tetapi ia hanya meliputi lebih kurang satu pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduk. Ini bermakna agama-agama lain lebih dominan dari pengikut agama Islam.

Berdasarkan kepada data-data di atas , parti-parti politik Melayu khasnya UMNO dan PAS adalah sukar untuk mempengaruhi dan menguasai kawasan-kawasan pilihanraya di Kuala Lumpur. PAS sebagai sebuah parti Islam terbesar di negara kita sudah tentu menghadapi banyak rintangan dan permasalahan untuk menerangkan dasar-dasar Islam terhadap masyarakat yang majoritinya berbangsa Cina (non-muslim) .

Oleh kerana PAS telah ditubuhkan sejak tahun 1951, maka adalah wajar di sini kita jalankan satu analisis tentang sikap masyarakat non-muslim, khasnya masyarakat Cina terhadap kepimpinan dan perjuangan PAS dan sejauh manakah usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh parti tersebut mencapai matlamat perjuangannya. Ini akan melahirkan sesuatu yang objektif terhadap perkembangan PAS di tanahair kita .

Ketua Dewan Ulamak PAS Tuan Guru Haji Nik Aziz Bin Nik Mat pernah menyarankan agar PAS mengubah bentuk gerakannya dari tradisional kepada bentuk yang lebih hari-kai dan waqi'. Ini kerana gerakan yang herbentuk tradisional tidak sesuai lagi dan perubahan perlu dibuat kepada satu pendekatan yang lebih baik. Kenyataan yang lahir dari pemimpin tertinggi PAS ini telah mendorong penulis untuk mengkaji perkembangan PAS selama ini .

1.1 Tujuan Kajian.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui serta melihat setakat manakah positifnya usaha-usaha yang dijalankan oleh PAS selama ini di dalam rangka untuk menggakkan sebuah negara Islam. Penulis memberi penekanan kepada sikap masyarakat Cina terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh PAS untuk menilai kefahaman mereka terhadap dasar-dasar perjuangan PAS. Di samping itu penulis juga berhasrat untuk melihat kelemahan-kelemahan yang wujud dalam PAS agar ianya dapat diperbaiki sama ada dari segi pendekatan, maupun kepimpinan .

1.2 Bidang Kajian.

Kajian mengenai tajuk ini difokuskan kepada masyarakat Cina yang non-muslim. Perbahasan adalah ditumpukan kepada tiga perkara utama : dasar dan ideologi perjuangan PAS, sikap masyarakat Cina terhadap kepimpinan PAS dan sikapnya terhadap perjuangan PAS.

Untuk menilai sikap masyarakat Cina terhadap PAS , penulis terpaksa mengkaji latarbelakang sejarah , agama dan aktiviti politik mereka. Perkembangan PAS dari segi kepimpinan dan sikap keterbukaannya terhadap kaum Cina adalah tidak kurang pentingnya dalam kajian ini .

Usaha-usaha mempertingkatkan hubungannya dengan masyarakat Cina dibahagikan kepada usaha-usaha awal dan usaha-usaha lain seperti penubuhan Chinese Consultative Council (CCC) serta mengadakan persetahaman dengan parti-parti pemhangkang .

Walaupun kajian ini tertumpu kepada masyarakat Cina namun ianya tidak dapat lari dari menggabungkannya sekali dengan masyarakat non-muslim seperti India , Orang Asli dan lain-lain kaum yang wujud di negara kita. Dalam konteks yang sedemikian kaedah ' طلاق الاسلام و ربه ' digunakan kerana masyarakat Cina merupakan golongan majoriti non-muslim di negara kita yang boleh dikatakan mewakili masyarakat non-muslim keseluruhannya.

1.3 Metodologi Kajian.

Oleh kerana pengkajian yang dijalankan difokuskan kepada sikap masyarakat Cina , maka penulis telah menggunakan satu sampel soal-selidik yang dirangka berdasarkan kepada hipotesis penulis terhadap sikap yang bakal ditonjolkan dan diluahkan oleh masyarakat Cina . Soal-selidik adalah data-data serta fakta utama yang menjadi asas kepada kajian serta rumusan yang dibuat oleh penulis.

Di samping itu juga penulis menggunakan bahan-bahan dari keratan akhbar, buku-buku teks dan juga tesis-tesis yang berkaitan dengan PAS .

Untuk mendapatkan pandangan serta sikap masyarakat Cina secara umum , penulis telah mengadakan beberapa tembusan dengan beberapa orang tokoh politik dan akademik dari kalangan masyarakat Cina yang sempat ditemui. Hasil tembusan ini dapat menambahkan lagi bahan maklumat mutakhir .

Hasil daripada pembacaan serta pergaulan penulis dengan masyarakat Cina selama ini, terutamanya di kampus, penulis dapat menggunakan pemerhatian sendiri (observasi) bagi menilai sikap masyarakat Cina terhadap kajian yang dijalankan. Pengamatan dari penulis dapat melahirkan satu rumusan dan hasil kajian yang tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Penganalisaan data dijalankan oleh penulis dengan mengumpulkan segala maklumat dari soal-selidik dan dikukuhkan lagi dengan observasi serta bahan-bahan dari keratan-keratan akhbar. Ianya dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan penghuraian isi dan masalah .

1.4 Masalah Kajian.

Penulis terpaksa menghadapi kesulitan di dalam mengejawarkan borang-borang soal-selidik kerana kebanyakan responden yang ditemui kurang fasih berbahasa Malaysia. Ada kalanya penulis terpaksa menjelaskan kepada responden tentang maksud dan pengertian dari kehendak-kehendak soalan yang dikemukakan. Penulis telah mengedarkan sebanyak 100 keping borang soal-selidik dan hanya 50 keping sahaja borang yang sempat

dikumpulkan semula oleh penulis. Ini mungkin kerana kajian yang dijalankan oleh penulis adalah satu perkara yang boleh dianggap sensitif bagi masyarakat Cina.

Penulis juga terpaksa mengambil masa yang lama untuk mengadakan temujanji dengan tokoh-tokoh akademik dan politik kaum Cina kerana mereka adalah terdiri daripada tokoh-tokoh yang sentiasa sibuk dan penuh dengan program.

Kesimpulannya, penulis amat sukar untuk mendapatkan respon daripada responden-responden melalui borang-borang soal-selidik disebabkan rata-rata penduduk Cina di Kuala Lumpur sibuk dengan tugas-tugas mereka sebagai peniaga dan kebanyakannya daripada mereka tidak mempunyai masa yang terluang untuk membantu penulis di dalam mendapatkan data-data yang diperlukan .

Nota Kaki.

1. Harakah , 15 hb. September 1989.